

# PNB mula tuai hasil pelan STRIVE-15



Kami berharap akan mendapat sokongan berterusan daripada anda semua. Kami berjanji akan terus memegang amanah dan membuat yang terbaik untuk manfaat lebih 13.3 juta pelabur dan semua rakyat Malaysia”

**Abdul Wahid Omar,**  
Pengerusi Kumpulan PNB

→ Abdul Wahid hargai usaha barisan kepemimpinan, warga kerja laksana amanah pelabur

Oleh Nora Mahpar  
noramahpar@NSTP.com.my

**K**erja keras warga kerja Permodalan Nasional Bhd (PNB) melaksanakan 15 inisiatif di bawah pelan strategik 2017-2022 yang dinamakan STRIVE-15 membawaikan pelbagai kejayaan kepada syarikat pengurusan pelaburan terbesar tempatan itu.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Sri Abdul Wahid Omar, berkata semua inisiatif strategik yang dilaksanakan sejak November 2016 itu berjalan lancar dan menyaksikan pelbagai kejayaan termasuklah peningkatan pendapatan.

Katanya, ia membolehkan PNB membayar dividen dan bonus sebanyak 7.25 sen serta bonus khas 1.00 sen untuk 10,000 unit pertama pemegang unit Amanah Saham Bumipute-

ra (ASB) sempena ulang tahun PNB yang ke-40.

“Pengagihan dividen dan bonus ASB serta unit Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) yang lain membabitkan jumlah RM14.4 bilion untuk tahun 2017 dan lebih RM172 bilion jumlah terkumpul dividen yang dibayar kepada pelabur sejak PNB ditubuhkan,” katanya dalam kenyataan sempena ulang tahun ke-40 PNB.

Abdul Wahid berkata, sempena menyambut ulang tahun PNB ke-40 ini, beliau amat menghargai jasa, bakti dan pengorbanan barisan kepemimpinan PNB yang lalu bermula dengan Allahyarham Tun Ismail Ali yang akan menjangkau usia 100 tahun sekiranya masih bersama hari ini.

“Tun Ismail juga adalah orang Malaysia pertama yang dilantik sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia dan berkhidmat sebagai Pengerusi pertama apabila PNB ditubuhkan pada 17 Mac 1978 sehingga 17 Oktober 1996.

“Selepas itu, Allahyarham Tun Ismail terus menjadi Pensyarah kepada PNB sehingga beliau meninggal dunia pada 6 Julai 1998,” katanya.

## Hargai jasa

Dalam pada itu, beliau berkata PNB juga menghargai jasa Pengerusi yang kedua, Tun Ahmad

Sarji Abdul Hamid dan semua Ketua-ketua Pegawai Eksekutif yang terdahulu iaitu Tan Sri Desa Pachi, Tan Sri Khalid Ibrahim, Datuk Seri Mohd Hilmey dan Tan Sri Hamad Kama Piah yang telah membina PNB sehingga menjadi sebuah institusi nasional yang berintegriti.

“Terima kasih juga kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang juga Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumi-putera (YPB), Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi) dan Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah YPB atas segala pimpinan dan sokongan kepada kami.

“Penghargaan kami juga kepada barisan Jemaah Menteri, Ketua Setiausaha Negara dan semua penjawat awam serta Lembaga Pengarah, pengurusan dan seluruh warga PNB, ASNB dan Syarikat-syarikat Kumpulan PNB atas segala sokongan selama ini”, katanya.

Tidak dilupakan, kata Abdul Wahid ialah semua pelabur yang telah memberikan kepercayaan kepada PNB untuk menguruskan wang mereka secara profesional.

“Kami berharap akan mendapat sokongan berterusan daripada anda semua. Kami berjanji akan terus memegang amanah dan membuat yang terbaik untuk manfaat lebih 13.3 juta pelabur dan semua rakyat Malaysia,” katanya.